

<b>Publication</b>	<b>Kosmo!</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Negara / Pg. 4</b>
<b>Date</b>	<b>Thu, 27<sup>th</sup> Oct 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>Yes</b>
<b>Headline</b>	<b>Malaysia-China Eratkan Hubungan</b>		

Najib akan bertemu Presiden Xi Jinping dalam lawatan kerja ke China

## Malaysia-China eratkan hubungan

**KUALA LUMPUR** – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia komited untuk mencapai tahap baharu dan meneroka kerjasama dalam pelbagai bidang dengan China pada lawatannya ke republik itu minggu ini.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, pada lawatan itu, banyak perjanjian dan persefahaman akan ditandatangani yang bakal membawa hubungan antara kedua-dua negara ke tahap lebih tinggi.

"Ini akan membolehkan kedua-dua negara kita dan rakyat kita untuk maju dan makmur bersama-sama.

"Untuk mencapai itu, saya tidak sabar untuk mengadakan perbincangan dengan Presiden Xi Jinping dan Perdana



NAJIB bersama Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Technologies, Abraham Liu Kang (kiri) melihat teknologi terbaharu Huawei ketika majlis perasmian Pusat Huawei CSIC di Menara Integra di Kuala Lumpur semalam.

Menteri, Li Keqiang," kata Najib dalam kenyataan di sini semalam.

Najib berkata, Abad Asia telah bermula dan beberapa negara mewakili potensi rantau ini

lebih baik.

"Bersama-sama, bekerja dalam perkongsian, saya yakin jika kita merebut peluang sangat besar di hadapan kita," katanya.

Beliau turut mengimbas sejarah hubungan Malaysia-China yang secara rasminya bermula pada 1974 apabila ayahnya, Perdana Menteri kedua Malaysia, Almarhum Tun Abdul Razak Hussein menjadi pemimpin pertama di rantau itu yang menjalin hubungan diplomatik secara rasmi dengan China.

Najib berkata, Malaysia telah mendapat pelbagai manfaat daripada hubungan akrab itu sejak dulu dan negara komited untuk memperkukuhkan lagi hubungan



XI JINPING

dan persahabatan pada masa depan.

Dalam pada itu, Najib semalam sempat menghadiri Forum Ekonomi Digital Malaysia-China di sini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menggesa, penggiat sektor digital tempatan bekerjasama dengan komuniti teknologi global bagi mengeksplotasi sepenuhnya potensi ekonomi digital.

Perdana Menteri semalam turut memperkeratkan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang diadakan di Parli-

men. Mesyuarat MEB itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi. - Bernama